

KERANGKA PEMBANGUNAN POTENSI SARJANA MUDA USIM



MODEL GRADUAN INTEGRASI ILMU NAQLI DAN AQLI (GIINA)



Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
(Pendidikan Tinggi)
2015 - 2025

LOJAKAN PERTAMA

"Melahirkan Graduan yang **Holistik** (Holistic), **Berkeusahawanan** (Entrepreneurial) dan **Seimbang** (Balanced)



**RANCANGAN
PENCAPAIAN
SKOR GIINA**

**TAHUN
1**



**TAHUN
2**



**TAHUN
3**



**TAHUN
AKHIR**



Holistik (Holistic)

Seimbang (Balanced)

Berkeusahawanan (Entrepreneurial)

Definisi Operasi:

Holistik (الشمولية) - Graduan mempunyai sifat-sifat yang menyeluruh termasuklah sifat-sifat intelek, rohani, emosi dan fizikal yang membantu perkembangan peribadi mereka.



1.0 Aktif dalam Aktiviti Kepimpinan

Aktiviti Kepimpinan terdiri daripada dua kategori:

- 1 Aktiviti Kepimpinan:** Aktiviti yang sepenuhnya memenuhi mana-mana 3 modul pengisian daripada 7 modul pengisian yang dikemukakan oleh Majlis Kepimpinan dan Latihan Universiti-Universiti Malaysia (MAKLUM) dan hendaklah dilaksanakan oleh atau melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Modul yang ditetapkan adalah seperti berikut:



- 2 Aktiviti Kepimpinan:** Kursus Badan Beruniform yang ditawarkan oleh Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah meliputi Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES), Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (Kor SUKISIS), Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA), Briged Sukarelawan Khidmat Negara (BSKN), Bulan Sabit Merah (BSM) dan Siswa Bomba Bantuan (SBB) dengan melengkapkan keseluruhan modul yang ditetapkan dan diisytiharkan lulus.




2.0 Aktif dalam Aktiviti Kesukarelawanan

Aktiviti Kesukarelawanan termasuklah apa-apa aktiviti libatsama masyarakat, khidmat masyarakat dan kelestarian alam sekitar sama ada di dalam atau di luar kampus dan hendaklah dilaksanakan oleh atau melalui Pusat Inovasi, Jaringan Industri dan Masyarakat termasuklah aktiviti Pengembaraan USIM Global Islamic Students Outreach (GISO).



Aktiviti Libatsama Masyarakat merujuk kepada aktiviti yang diikuti untuk tempoh minimum 6 jam dan mempunyai salah satu ciri-ciri berikut:



Aktiviti Khidmat Masyarakat merujuk kepada apa-apa aktiviti yang menyumbang kepada kesejahteraan komuniti selain daripada aktiviti libatsama masyarakat dan diikuti untuk tempoh minimum 6 jam.



Aktiviti Kelestarian Alam Sekitar merujuk kepada apa-apa aktiviti yang menyumbang kepada pengkalan dan pemuliharaan alam sekitar dan diikuti untuk tempoh minimum 6 jam.



3.0 Mencapai PNGK \geq 3.0



Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) adalah sebagaimana yang ditakrifkan dalam Peraturan-Peraturan Universiti Sains Islam Malaysia (Pengajian Ijazah Sarjana Muda dengan Keupujian) 2007 dan hendaklah dibaca bersama Peraturan-Peraturan Peperiksaan Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri, Universiti Sains Islam Malaysia dan juga Peraturan-Peraturan Peperiksaan Sarjana Muda Pembedahan Pergigian, Universiti Sains Islam Malaysia.

4.0 Mencapai Tahap \geq 3 MUET atau Setara

Pencapaian Malaysian University English Test (MUET) adalah sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia seperti berikut:

Tahap	Agregat Markah	Penerangan
6	260 - 300	Very good user - Very good command of the language. Highly expressive, fluent, accurate and appropriate language: hardly any inaccuracies. Very good understanding of language and contexts. Functions extremely well in the language.
5	220 - 259	Good user - Good command of the language. Expressive, fluent, accurate and appropriate language but with minor inaccuracies. Good understanding of language and contexts. Functions well in the language.
4	180 - 219	Competent user - Satisfactory command of the language. Satisfactory expressive and fluent, appropriate language but with occasional inaccuracies. Satisfactory understanding of language and contexts. Functions satisfactorily in the language.
3	140 - 179	Modest user - Modest command of the language. Modestly expressive and fluent, appropriate language but with noticeable inaccuracies. Modest understanding of language and contexts. Able to function modestly in the language.
2	100 - 139	Limited user - Limited command of the language. Lacks expressiveness, fluency and appropriacy: inaccurate use of the language resulting in breakdown in communication. Limited understanding of language and contexts. Limited ability to function in the language.
1	Below 100	Extremely limited user - Poor command of the language. Unable to use language to express ideas: inaccurate use of the language resulting in frequent breakdowns in communication. Little or poor understanding of language and contexts. Hardly able to function in the language.

5.0 Mencapai Tahap \geq 3 IJLA/MUAT atau Setara

Pencapaian Imtihan Jamie Lughah Arabiyah (IJLA)/Malysian University Arabic Test (MUAT) adalah sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia.



6.0 Mengikuti Pendedahan Bahasa Ketiga

Pendedahan Bahasa Ketiga ditakrifkan sebagai mendaftar dan mengikuti apa-apa kursus bahasa yang ditawarkan oleh Fakulti Pengajian Bahasa Utama sekurang-kurangnya selama satu (1) Semester Sesi Akademik selain daripada bahasa ibunda, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab.

7.0 Mencapai Mata Merit ≥ 20 dalam Transkrip Ko-Kurikulum

Pengiraan mata merit dalam **Transkrip Ko-Kurikulum** adalah sebagaimana berikut:

ARAS PENGLIBATAN		Mata Merit
Aras Penglibatan		
Pengerusi / Setara Naib Pengerusi / Setara Penceramah / Setara	5	
Setiausaha / Setara Bendahari / Setara	4	
Biro / Exco / Jawatankuasa / Setara	3	
Ahli / Setara	2	
Peserta	1	

ARAS PENCAPAIAN		Mata Merit
Aras Pencapaian		
Johan / Setara	5	
Naib Johan / Setara	4	
Tempat Ketiga / Keempat / Separuh Akhir	3	
Suku Akhir	2	
Penyertaan	1	

PERINGKAT		Mata Merit
Peringkat		
Antarabangsa	5	
Kebangsaan	4	
Negeri	3	
Universiti / Daerah	2	
PTj / Kolej Kediaman	1	

PERINGKAT		Mata Merit
Peringkat		
Antarabangsa	5	
Kebangsaan	4	
Negeri	3	
Universiti / Daerah	2	
PTj / Kolej Kediaman	1	

8.0 Aktif dalam Aktiviti Kesenian

Aktiviti Kesenian termasuklah apa-apa aktiviti yang ditawarkan oleh atau melalui Pusat Kebudayaan atau Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah sama ada di dalam atau di luar kampus dan sama ada berkredit atau tidak berkredit dan diikuti untuk tempoh minimum 6 jam dan mematuhi apa-apa garis panduan berkaitan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).



9.0 Aktif dalam Aktiviti Sukan Sunnah dan Riadah



Aktiviti Sukan Sunnah dan Riadah termasuklah apa-apa aktiviti yang ditawarkan oleh atau melalui Pusat Sukan atau Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah sama ada di dalam atau di luar kampus dan sama ada berkredit atau tidak berkredit meliputi sukan yang dinyatakan secara langsung sebagai Sunnah Rasulullah S.A.W. iaitu memanah, berenang, menunggang kuda dan mempertahankan diri dan diikuti untuk tempoh minimum 6 jam atau apa-apa sukan lain yang menyihatkan tubuh badan dan diikuti untuk tempoh minimum 6 jam.

10.0 Aktif dalam Aktiviti Pengantarabangsaan

Aktiviti Pengantarabangsaan ditakrifkan sebagai aktiviti yang diadakan di luar negara Malaysia dan memerlukan pasport Malaysia atau visa untuk melepasi sempadan negara tersebut atau aktiviti di dalam negara Malaysia yang melibatkan penyertaan peserta antarabangsa dengan nisbah 40% peserta antarabangsa dan 60% peserta tempatan dan hendaklah dilaksanakan oleh atau melalui USIM 'Alamiyyah.








Aktiviti tersebut hendaklah bersifat ilmiah/akademik atau kesukarelawanan (libatsama masyarakat, khidmat masyarakat atau kelestarian alam sekitar) sama ada anjuran USIM atau mana-mana organisasi lain yang diizinkan oleh USIM atau anjuran bersama kedua-duanya sama ada berkredit atau tidak berkredit mengikut ketetapan berikut:

Jenis Aktiviti	Tempoh Masa
Mobiliti Antarabangsa	Minimum 2 hari (tidak termasuk hari perjalanan pergi dan pulang)
Global Islamic Students Outreach (GISO)	Minimum 3 hari atau 18 jam (tidak termasuk hari perjalanan pergi dan pulang)
Kursus / Seminar	Jumlah hari kursus/seminar minimum 1 hari (6 jam masa kursus/seminar)
Latihan Industri	Mengikut ketetapan fakulti masing-masing

11.0 Melepassi Ujian Kecergasan Jasmani Kebangsaan











Melepassi **Ujian Kecergasan Jasmani Kebangsaan** mengikut had umur, masa/jarak dan jantina seperti berikut:



Tahap		Minit	
5	Sangat Cemerlang	 < 12:00	 < 15:00
4	Cemerlang	 12:01 - 15:00	 15:01 - 20:00
3	Memuaskan	 15:01 - 20:00	 20:01 - 25:00
2	Kurang Memuaskan	 20:01 - 25:00	 25:01 - 30:00
1	Tidak Memuaskan	 25:01 - 30:00	 30:01 - 35:00

Tahap	Minit	
5	Sangat Cemerlang	 > 50
4	Cemerlang	 40 - 49
3	Memuaskan	 30 - 39
2	Kurang Memuaskan	 20 - 29
1	Tidak Memuaskan	 < 19



Tahap		Minit	
5	Sangat Cemerlang	 > 43	 ≥ 36
4	Cemerlang	 37 - 42	 31 - 35
3	Memuaskan	 33 - 36	 25 - 30
2	Kurang Memuaskan	 29 - 32	 21 - 24
1	Tidak Memuaskan	 ≤ 28	 ≤ 20



Tahap		Jarak (inci)	
5	Sangat Cemerlang	♂ ≥ 27	♀ ≥ 30
4	Cemerlang	♂ 17 - 26	♀ 21 - 29
3	Memuaskan	♂ 6 - 16	♀ 11 - 20
2	Kurang Memuaskan	♂ 1 - 5	♀ 1 - 10
1	Tidak Memuaskan	♂ ≤ 0	♀ ≤ 0


Tahap		Jarak (inci)	
5	Sangat Cemerlang	♂ ≥ 88	♀ > 72
4	Cemerlang	♂ 79 - 87	♀ 62 - 71
3	Memuaskan	♂ 69 - 78	♀ 53 - 61
2	Kurang Memuaskan	♂ 60 - 68	♀ 43 - 52
1	Tidak Memuaskan	♂ < 60	♀ < 43



Tahap Kecergasan Minimum

Ujian	Tahap	Umur dan Gender
Larian 2.4 KM	Memuaskan	♂ ♀ 25 tahun dan ke bawah
Tekan Tubi	Memuaskan	♂ ♀ 25 tahun dan ke bawah
Bangkit Tubi	Memuaskan	♂ ♀ 25 tahun dan ke bawah
Duduk dan Jangkau	Memuaskan	♂ ♀ 25 tahun dan ke bawah
Lompat Jauh	Memuaskan	♂ ♀ 25 tahun dan ke bawah

*Peserta dikehendaki melepasi semua ujian dalam satu sesi ujian yang sama.



Definisi Operasi:

Seimbang (التوازن) - Graduan yang seimbang dari segi ahlak (memaparkan karakter yang betul) dan ilmu (pengetahuan dan kemahiran) untuk menjadi warganegara yang aktif, mampu memberi sumbangan kepada masyarakat, negara dan global.



12.0 Aktif dalam Pengembaraan USIM GISO

Pengembaraan USIM Global Islamic Students Outreach ditakrifkan sebagai program yang diadakan di luar negara Malaysia dan memerlukan pasport Malaysia atau visa untuk melepasi sempadan negara tersebut melibatkan keberadaan pelajar di luar negara sekurang-kurangnya selama tiga (3) hari dan mengikuti aktiviti berbentuk sukarelawan (libatsama masyarakat, khidmat masyarakat atau kelestarian alam sekitar) untuk tempoh minimum 18 jam sama ada anjuran USIM atau mana-mana organisasi lain yang diizinkan oleh USIM atau anjuran bersama kedua-duanya.



13.0 Menguasai Kemahiran Insaniah (My3s) atau (ePKI) dengan Skor $\geq 6/10$

Kemahiran Insaniah merangkumi kemahiran generik seperti berikut:

- KI1** ➔ Kemahiran Berkommunikasi (CS - Communication Skills)
- KI2** ➔ Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah (CTPS - Critical Thinking and Problem Solving)
- KI3** ➔ Kemahiran Kerja Berpasukan (TS - Team Work Skills)
- KI4** ➔ Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat (LL - Lifelong Learning and Information Management)
- KI5** ➔ Kemahiran Keusahawanan (ES - Entrepreneurship Skills)
- KI6** ➔ Etika dan Moral Profesional (EM - Ethics dan Professional Morals)
- KI7** ➔ Kemahiran Kepimpinan (LS - Leadership Skills)
- KI8** ➔ Penguasaan Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab (ePKI sahaja)

Ujian (My3s) dan (ePKI) dilaksanakan pada waktu yang akan ditentukan oleh Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah



14.0 Mutadayyin

Mutadayyin ditakrifkan sebagai menghayati asas fardhu ain (teori dan praktikal) secara konsisten dan diukur melalui penglibatan dalam aktiviti Liqa' Universiti sepanjang pengajian sekurang-kurangnya 7 kali pertemuan pada empat (4) semester yang pertama dan setiap pertemuan tidak kurang 1 jam serta melepasi penilaian Mutadayyin yang ditentukan oleh Pusat Islam.



15.0 Bebas daripada Hukuman Tatatertib

Bebas Daripada Hukuman Tatatertib ditakrifkan sebagai tidak pernah dikenakan apa jua hukuman tatatertib sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Kaedah-Kaedah Universiti Sains Islam Malaysia (Tatatertib Pelajar) 2009 seperti berikut:



16.0 Mendaftar sebagai Pemilih dengan Suruhanjaya Pilihanraya



Mana-mana pelajar warganegara Malaysia yang telah genap berumur 21 tahun dan ke atas, bermastautin di dalam sesuatu bahagian pilihanraya dan tidak hilang kelayakannya di sisi undang-undang hendaklah mendaftarkan diri sebagai **Pemilih dengan Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia**.

Definisi Operasi:

Berkeusahawanan (الثقافة التجارية) - Graduan minda berkeusahawanan, berinovasi, yang terbuka kepada perubahan, idea-idea baru dan cara-cara baru dalam melakukan sesuatu serta mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah untuk menangani tuntutan masa kini dan masa depan.



17.0 Aktif dalam Aktiviti Keusahawanan

Aktiviti Keusahawanan termasuklah apa-apa aktiviti yang ditawarkan oleh atau melalui Pusat Pembangunan Keusahawanan Siswa atau Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah sama ada di dalam atau di luar kampus dan sama ada berkredit atau tidak berkredit dan diikuti untuk tempoh minimum 6 jam (tidak termasuk sebarang kursus yang membolehkan pelajar menyediakan **Kanvas Model Perniagaan**).



18.0 Aktif dalam Aktiviti *Starting School* dan *Finishing School*

18.1 *Starting School*

Aktiviti yang dilaksanakan oleh atau melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar untuk membantu pelajar merancang pembangunan diri dan kerjaya dan diikuti untuk tempoh minimum 4 jam seperti contoh aktiviti berikut:



18.2 *Finishing School*

Aktiviti yang dilaksanakan oleh atau melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar untuk membantu pelajar menghadapi dunia kerjaya dan diikuti untuk tempoh minimum 4jam seperti contoh aktiviti berikut:






19.0 Berkeupayaan Menyediakan Kanvas Model Perniagaan

Mengikuti apa-apa kursus yang membolehkan pelajar menyediakan **Kanvas Model Perniagaan** seperti spesifikasi yang ditentukan oleh Pusat Pembangunan Keusahawanan Siswa dan diikuti untuk tempoh minimum 6 jam.




20.0 Aktif dalam Aktiviti Inovasi



Aktiviti Inovasi termasuklah apa-apa aktiviti penghasilan produk atau perkhidmatan baru yang diperkenalkan hasil daripada apa jua kaedah, sistem atau usaha sama ada penciptaan atau penambahbaikan dengan disahkan oleh atau melalui Institut Sains Islam atau Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi sama ada di dalam atau di luar kampus dan diikuti untuk tempoh minimum 6 jam.



21.0 Memperolehi Pekerjaan dalam Tempoh ≤ 6 Bulan

Bekerja (termasuk bekerja sendiri) atau melanjutkan pengajian atau meningkatkan kemahiran atau menunggu penempatan pekerjaan dalam tempoh Kajian Pengesanan Graduan yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.




PEMBERAT
KRITERIA MODEL
GIINA

KRITERIA
MODEL GIINA

PECAHAN
PEMBERAT

1. HOLISTIK

Graduan mempunyai sifat-sifat yang menyeluruh termasuklah sifat-sifat intelek, rohani, emosi dan fizikal yang membantu perkembangan peribadi mereka



1 Aktif dalam Aktiviti Kepimpinan 5%

2 Aktif dalam Aktiviti Kesukarelawanan 5%

3 Mencapai PNGK \geq 3.0 4%

Julat PNGK	Peratusan
3.00 - 3.25	1%
3.26 - 3.50	2%
3.51 - 3.75	3%
3.76 - 4.00	4%

4 Mencapai Tahap \geq 3 MUET atau Setara 4%

Tahap MUET	Peratusan
3	1%
4	2%
5	3%
6	4%

5 Mencapai Tahap \geq 3 IJLA/MUAT atau Setara 4%

6 Mengikuti Pendedahan Bahasa Ketiga 4%

7 Mencapai Mata Merit \geq 20 dalam Transkrip Ko-Kurikulum 4%

Mata Merit	Peratusan
20 - 50	1%
51 - 75	2%
76 - 100	3%
100 dan ke atas	4%

8 Aktif dalam Aktiviti Kesenian* } 4%

9 Aktif dalam Aktiviti Sukan Sunnah dan Riadah* } 4%

10 Aktif dalam Aktiviti Pengantarabangsaan 4%

11 Melempi Ujian Kecergasan Jasmani Kebangsaan 2%

*dikira salah satu sahaja


PEMBERAT
 KRITERIA MODEL
 GIINA

 KRITERIA
 MODEL GIINA

 PECAHAN
 PEMBERAT

 2. **SEIMBANG**


Graduan yang seimbang dari segi akhlak (memaparkan karakter yang betul) dan ilmu (pengetahuan dan kemahiran) untuk menjadi warganegara yang aktif, mampu memberi sumbangan kepada masyarakat, negara dan global



1	Aktif dalam Pengembaraan USIM GISO	8%	<div style="width: 8%;"></div>
2	Menguasai Kemahiran Insaniah (My3S) atau (ePKI) dengan Skor $\geq 6/10$	4%	<div style="width: 4%;"></div>
3	Mutadayyin	12%	<div style="width: 12%;"></div>
4	Bebas daripada Hukuman Tatatertib	4%	<div style="width: 4%;"></div>
5	Mendaftar sebagai Pemilih dengan Suruhanjaya Pilihanraya	2%	<div style="width: 2%;"></div>


 3. **BERKEUSAHAWANAN**

Graduan minda berkeusahawanan, berinovasi, yang terbuka kepada perubahan, idea-idea baru dan cara-cara baru dalam melakukan sesuatu serta mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah untuk menangani tuntutan masa kini dan masa depan



1	Aktif dalam Aktiviti Keusahawanan	10%	<div style="width: 10%;"></div>
2	Aktif dalam Aktiviti <i>Starting School</i> dan <i>Finishing School</i>	8%	<div style="width: 8%;"></div>
3	Berkeupayaan Menyediakan Kanvas Model Perniagaan	6%	<div style="width: 6%;"></div>
4	Aktif dalam Aktiviti Inovasi	6%	<div style="width: 6%;"></div>
5	Memperoleh Pekerjaan dalam Tempoh 6 Bulan (setelah tamat pengajian)*	-	<div style="width: 0%;"></div>

*tidak dikira



OKTOBER 2020




BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR
Student Affairs Division

Universiti Sains Islam Malaysia


Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai
Negeri Sembilan, Malaysia

 06-798 6157 / 6158 / 6101

 06-798 6154

 @bhep_usim

 <http://hep.usim.edu.my>

 info.bhep@usim.edu.my